



EDISI
مايس

www.mais.gov.my

PERJALANAN SUCI VS FANTASI

Polemik Haji Muda: Tuntutan & Cabaran

Ms 5

Penyakit Kronik Tidak Wajib Menunaikan Haji

Ms 8

Hakam Perceraian

Ms 9

Kata-Kata Hikmah

Renungkan makna sebenar pengorbanan dan keikhlasan dalam meniti perjalanan kehidupan. Semoga setiap niat baik yang dilakukan hari ini menjadi pintu kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Dr. Che Mad

Kerusyikan Umat: Mabruk Vs Mardud

Ms 17



PERBEZAAN ANTARA WASIAH & HIBAH WASIAH

WASIAH

- ✓ Pemberian lepas mati
- ✓ Boleh ditarik balik jika pewasiat masih hidup
- ✓ Diberikan kepada bukan waris, Jika diberikan kepada waris, perlu dapatkan persetujuan waris selepas kematian pewasiat
- ✓ Terhad pada 1/3 harta sahaja. Jika lebih, perlu dapatkan persetujuan waris lepas kematian pewasiat

HIBAH

- ✓ Pemberian semasa hidup
- ✓ Tidak boleh tarik balik kecuali pemberian dari bapa, ibu, datuk, nenek kepada anak atau cucu
- ✓ Boleh diberikan kepada sesiapa sahaja sama ada waris atau bukan waris
- ✓ Tiada had minimum dan maksimum namun, perlu berlaku adil jika pemberian kepada anak-anak



Maklumat lanjut, hubungi: Bahagian
Dakwah & Pemasaran, Baitulmal MAIS
010-251 9556 / 019-383 0032

HIBAHKAN HARTANAH ANDA SEKARANG

Firman Allah SWT yang bermaksud: "... Dan memberi harta yang dikasihinya kepada kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan orang yang terlantar dalam perjalanan..."

(Surah Al-Baqarah: 117)

Fahami berkenaan hibah di
<https://www.mais.gov.my/hibah/>

*Jom hibahkan hartanah anda melalui
Majlis Agama Islam Selangor*

Permohonan hibah secara dalam talian

Pengesahan identiti pemohon menerusi
Electronic Know Your Customer (EKYC)

Majlis Akad hibah adalah secara sidang video &
tandatangan secara digital.

Permohonan dan kelulusan 100% secara dalam
talian.

MOHON SEKARANG

Layari <https://siswa.mais.gov.my>
atau Scan QR Code



Maklumat lanjut, hubungi **03-5514 3400** sambungan **2175** atau emel pro@mais.gov.my

Majlis Agama Islam Selangor mais_officialhq maisgovmy

www.mais.gov.my



Sidang Editorial
EDISI

KETUA PENGARANG
Noormala binti Mohd Sa'ad

PENGARANG
Muhammad Syafiq bin Ahmad Fozi

EDITOR
Salawati binti Hamid

SUBEDITOR/PRUF
Norzaili bin Taib

KOLUMNIS
Hamizul bin Abdul Hamid
Halim bin Mokhtar
Mohd Hafiz bin Abdul Salam

Hasal bin Senin
Shahrul Effendy bin Md Saat
Maryam binti Md Zain
Mohamad Shukry bin Sulaiman
Mohammad Salleh bin Abdul Saha
Muhamad Rafee bin Rahman
Muhammad Hafiz bin Bahari

PERJALANAN SUCI VS FANTASI



Oleh: **Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid** (hamizul@zakatselangor.com.my)
Ketua Jabatan Dakwah dan Perundingan, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

Teringin sungguh nak naik haji. Minum air zamzam sepuas-puasnya. Lihat ka'abah hari-hari. Boleh solat di Masjidil Haram. Boleh doa puas-puas."

Ya, 'naik haji' adalah impian semua Muslim yang sempurna imannya. Titik dan puncak kesempurnaan rukun Islam adalah 'haji'. Mereka yang mampu namun enggan, dampaknya dosa. Samalah orang yang mampu solat, mampu bayar zakat dan mampu berpuasa Ramadan, namun dengan sengaja mengabaikannya, maka berdosalah orang berkenaan.

Namun begitu, semua orang tahu. Haji itu penuh cabaran. Sebelum nama kita terpilih oleh Tabung Haji (TH); cabaran sudah bermula. Wajib mendaftar dan menunggu, masanya sungguh lama. Kemudian, mencari wang dan menabung sedikit demi sedikit, itu juga cabaran. Setelah terpilih, kita pun harus ke Mekah yang panas dan membahang, serentak itu kita harus meninggalkan segala keselesaan di tanah air, itu juga cabaran.

Ya, Kota Mekah dan sekitarnya adalah antara titik terpanas di dunia. Suhunya bisa mencecah 50° celsius, separuh air mendidih. Mengerjakan haji pula bukan seperti berjoging di sekitar tasik Shah Alam, lengang dan lega. Di sana, kita kena bersesak. Baik Ketika tawaf, kala sai, ketika melontar jumrah, bermalam di Mina dan Mudzalifah dan banyak lagi. Itu semua cabaran.

Namun, hati kita terubat kala teringat janji-janji Allah SWT. Haji yang mabruh balasannya syurga. Haji yang Ikhlas, terampun segala

dosa. Maka, ada orang berangan-angan, kelak sehabis tahalul dan meninggalkan ihram, dia akan menjadi manusia baharu. Dia bukan sekadar punya gelar, 'haji atau hajah', namun segalanya berubah. Dia akan jadi orang soleh dan solehah. Orang yang menyenangkan dan bukan lagi kaki pendosa.

Subhanallah. Impian itu bagus sekali, melangit isinya. Namun, haji bukan sekadar impian muluk. Impian tanpa usaha ialah fantasi. Impian hendaklah dipacu, diraih dengan usaha, baharulah ia menjadi cita-cita. Itulah, meraih cita-cita dan menjadikan ia realiti, tidak semudah membalikkan telapak tangan. Cabaran paling sukar, sejauh manakah kita mampu sabar. Istiqamah dalam beramal. Bermujahadah menahan nafsu.

Aduhai, amat malang jika kita sudah melaburkan wang puluhan bahkan ratusan ribu, namun ia menjadi abu dan debu. Ya, hanya kerana gara-gara gagal menahan diri dari melakukan dosa. Janji-janji manis di hadapan Ka'abah meruap ke langit kala sudah di tanah air. Hilang tak berbekas. Hilang tanpa jejak.

Maka, dalam kesempatan ini kami di Edisi MAIS cuba memahamkan para pembaca tentang pentingnya kita menjawai ibadah haji. Apakah erti sebenar di sebalik gelar 'hajah dan haji'. Apakah erti sesungguhnya menggantungkan gambar-gambar cantik di Mekah di dinding rumah? Ia bukan sekadar bermegah; namun harus punya falsafah. Kami usahakan solusinya. Selamat membaca! **Edisi**

URUS HARTA SEBELUM KE MEKAH



Oleh: **Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid** (hamizul@zakatselangor.com.my)
 Ketua Jabatan Dakwah dan Perundingan,
 Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

Setiap calon haji dan hajah, akan memaksa diri mencari ilmu secukupnya. Sanggup berkursus dan melakukan simulas. Cita-citanya, agar nanti hajinya sah. Baguslah begitu. Pun begitu, kita wajib sedar bahawa kualiti ibadah haji turut berkait rapat dengan banyak perkara. Ilmu manasik haji memang wajib dicari, namun bagaimana dengan aspek pengurusan harta khususnya zakat, hutang-piutang, wasiat, hibah dan sebagainya lagi?

Eh, perlukah semua ini diambil tahu? Jawapannya, tepuk dada tanya hati. Pemilik diri dan harta itulah sendiri yang tahu apakah dia wajib mengambil tahu ataupun tidak.

Pengurusan harta memang sedikit bermasalah. Ini kerana, rata-rata orang kita kurang cakna dengan isu pengurusan harta. Ada beberapa isu mengenai pengurusan harta ini yang perlu ditangani sebelum kita menunaikan haji, iaitu:



HUTANG-PIUTANG

Jika kita masih ada hutang dengan pihak lain, maka usahakanlah ia dilangsangkan sebelum kita pergi menunaikan haji. Hutang ini merujuk kepada hutang yang sudah sampai tempoh melunaskannya, misalnya hutang kepada adik-beradik dan kawan-kawan. Ramai orang tidak kisah tentang hutang seperti ini. Padahal kematian yang di sisinya ada hutang, menyebabkan dia akan susah di akhirat nanti.



WASIAH DIRI

Apa yang dimaksudkan ialah, elok bagi calon haji dan hajah menyediakan satu wasiat sebelum mereka ke tanah suci. Wasiat ini bukan mengenai harta pusaka, namun mengenai hutang-piutang jika perkara (a) di atas tidak sempat dilangsaikannya. Jika meninggal dunia, maka waris hendaklah menggunakan harta si mati untuk melangsangkan dahulu hutang-hutangnya. Begitu juga jika ada orang lain yang berhutang dengan dia, maka dengan adanya wasiat, itu membolehkan waris menuntut hak mereka (lampirkan dokumen berkaitan jika perlu).



HIBAH HARTA

Ini pilihan agar andai calon haji pergi tak kembali (meninggal dunia), maka waris yang ditinggalkan, termasuklah anak atau ibu bapa angkat tidak lagi akan berebut harta pusaka.



ZAKAT

Ramai yang beranggapan zakat mereka selesai jika dana haji tersimpan di Tabung Haji (TH). Jawapannya, kena semak juga dana yang tersimpan di pelbagai tempat lain atau dalam bentuk yang lain. Emas di ar-Rahnu, emas pelaburan, dana dalam pelbagai saham dan simpanan, pelbagai pendapatan dan sebagainya lagi. Jangan main agak-agak sahaja, kerana zakat wajib dilunasi setepat-tepatnya.

Demikianlah, menunaikan haji bukan sekadar dengan ilmu haji, ilmu harta pun jangan dilupa. MAIS menyediakan pelbagai kemudahan untuk anda. Lembaga Zakat Selangor (LZS), Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), khidmat wasiat, hibah dan sebagainya lagi, ada untuk semua. Semoga ibadah haji kita mabrur; diiringi jiwa yang tenang dan aman di alam kubur, amin. Wallahu'lam. **Edisi**

POLEMIK HAJI MUDA: TUNTUTAN DAN CABARAN



Oleh: Dr. Halim bin Mokhtar (halim@kuis.edu.my)

Pensyarah Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor

Menunaikan haji di Baitullah menjadi impian setiap Muslim. Terpilih menunaikan haji pada usia muda adalah anugerah terindah daripada Allah. Panggilan yang sangat dinantikan. Pelengkap kepada rukun Islam yang kelima seperti firman Allah yang bermaksud: "Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat Haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya." (Surah Ali-Imran: 97)

Menunaikan haji sangat berkaitan dengan kemampuan. Tuntutan istito'ah (kemampuan) dari segi kesihatan, kewangan, perjalanan, kemampuan perbelanjaan serta sedia menunggu giliran. Semua pergerakan memerlukan kepada kesihatan dan kekuatan fizikal yang mantap seperti tawaf, sa'i, berwuquf di Arafah, bermalam di Mina, melontar jamrah, bermalam di Muzdalifah. Terdapat beberapa faktor yang mendorong untuk menunaikan haji pada usia yang muda:

1 Kesedaran Agama yang tinggi.

Tingkat keimanan dan kerohanian yang tinggi untuk menyahut panggilan Allah. Dimulai dengan niat dan tekad serta diiringi dengan berdoa. Komitmen yang membawa, bersedia meluangkan waktu, tenaga, dan harta untuk melaksanakan ibadah haji. Tiada batas usia dalam syarat wajib mengerjakan haji bersedia menyahut panggilan Allah tanpa alasan.

2 Persiapan Kewangan.

Bersedia menguruskan kewangan khususnya untuk menunaikan ibadah haji. Mengutamakan keperluan daripada kehendak. Sentiasa berusaha untuk tujuan haji. Tidak ghairah membelanjakan wang untuk membeli simbol kemewahan dan privilege.

3 Galakan Ibu Bapa Dan Keluarga.

Kesedaran individu adalah sangat penting disamping peranan ibu bapa dan keluarga yang saling mengingati untuk menunaikan haji. Semangat ini akan mendorong setiap individu teruja untuk menjadi tetamu Allah pada usia yang muda.

4 Pandangan Masyarakat.

Menunaikan haji muda dapat menyumbang berbagai kebaikan. Merebut kesempatan untuk menjadi muslim yang lebih baik, dihormati dan disegani, serta memberikan impak positif kepada generasi muda.

5 Mendaftar awal dengan TH.

Membuka akaun Tabung Haji dan terus mendaftar untuk menunaikan haji. Tempoh mendaftar dan tahun giliran haji sangat jauh. Berada dalam senarai menunggu pastinya kena bersedia untuk menerima giliran haji pada usia yang muda.

Hakikatnya haji muda mempunyai pelbagai cabaran sehingga menimbulkan ruang yang boleh mengugat amalan haji di antaranya:

1 Persiapan Ilmu.

Haji ialah ibadah yang praktikal. Tanpa ilmu, ibadah haji tidak akan mencapai kemaburuan. Kecemasan dalam menuntut ilmu seperti kehadiran kursus Haji yang dianjurkan oleh pihak TH akan memberikan kesan dalam pelaksanaan ibadah. Bersedia mendalami ilmu dan perkongsian pengalaman. Peka dengan nasihat dan bimbingan yang diberikan oleh pihak TH.

2 Persiapan Mental Dan Fizikal.

Tidak serius untuk menjadi tetamu Allah. Jiwa muda gagal dilentur. Kerap berlaku gagal mengawal emosi, perasaan marah dan menahan sabar sepanjang ibadah haji berlangsung. Selalu pentingkan diri sendiri dan ikut perasaan.

3 Asyik Dengan Handphone.

Kemudahan yang sangat mencabar, boleh mendekatkan dan boleh menjauhkan. Tarikan handphone dengan pakej medos terkini menjadikan setiap perkara adalah content yang mesti di upload dan setiap view mesti like, share & komen sehingga menyebabkan peluang untuk menggandakan ibadah di bumi barakah telah diabaikan.

4 Matlamat Haji Yang Kabur.

Tidak memahami falsafah dan matlamat menunaikan haji. Semacam program pelancongan ke pulau peranginan atau jalan-jalan cari makan sedangkan ia merupakan program ibadah. Sering merasakan ada peluang lagi untuk tunaikan haji next time kerana usia masih muda.

5 Sibuk Membeli belah.

Al kisah membeli belah di Madinah dan Makkah sangat mengasyikkan. Keghairahan tawaf di Kaabah telah menyebabkan kedai-kedai juga turut ditawaf. Agenda yang selalu menjadi tumpuan jutaan jemaah haji yang ingin memborgong barang untuk dijadikan hadiah kepada sanak saudara dan sahabat handai. Segalanya berpaksikan keberkatan bumi Mekah dan Madinah meskipun barang itu "made in Malaysia".

6 Pengurusan Harta.

Persoalan kewajipan menunaikan zakat harta sering di ambil mudah disamping perkara berkaitan urusan wasiat, hibah dan wakaf. Perkara ini boleh dirujuk di Lembaga Zakat Selangor, Baitulmal Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Perbadanan Wakaf Selangor. Sucikan harta dan buatlah persediaan.

Kesimpulannya haji muda banyak kelebihannya sekiranya menepati matlamat ibadat haji. Kesiapsiagaan kerohanian dan jasmani merupakan aspek penting terhadap perlaksanaan ibadah haji yang sangat simbolik sehingga dapat meningkatkan keimanan dan keberkatan hidup. Bersedia untuk menjadi tetamu Allah dan rebutlah kesempatan yang mendatang. Seperti kata pepatah "Hidup hanya sekali nikmatilah... mati juga hanya sekali bersedialah..."#labaikallah #inilahhaji **Edisi**

KEPELBAGAIAN NIAT HAJI



Oleh: Mohamad Shukry bin Sulaiman (shukry@muftiselangor.gov.my)
Ketua Penolong Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor

Terpilih sebagai Dhuyufurrahman untuk mengunjungi Baitullah hilharom adalah anugerah terindah dari Allah SWT bagi menyempurnakan ibadah rukun Islam kelima. Diharapkan kesemua jemaah haji dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada amal ibadat sepanjang berada di tanah suci. Sudah pasti jutaan umat Islam dari segenap pelosok dunia bersiap sedia untuk melakukan perjalanan ibadah terbaik dan bermakna sepanjang berada Tanah Suci Mekah dan Madinah.

Ibadah haji juga memiliki keistimewaan yang tersendiri kerana ia merupakan ibadah bersifat multi-dimensi membabitkan pelaksanaan ibadah secara fizikal, rohani dan harta. Aspek fizikal merupakan suatu yang diutamakan dalam ibadah haji sehingga maksud ‘mampu’ yang menjadi syarat kewajipan haji turut bermaksud kesihatan tubuh badan, kemampuan bergerak dan lain-lain. Ini menuntut setiap Muslim untuk menjaga kesihatan tubuh badan yang dianugerahkan oleh Allah dan menjadi tanggungjawab untuk dipelihara demi melaksanakan ibadah kepada-Nya.

Pensyariatan ibadah haji dilakukan atas beberapa faktor yang mendalam dan sangat penting bagi umat Islam. Faktor utama ibadah Haji dilaksanakan adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. Dengan melaksanakan semua ibadah yang ditentukan semasa haji, seperti tawaf, sai, wuquf di Arafah, dan lain-lain. Daripada situlah pengabdian setulus hati jemaah haji dengan penciptanya dapat dihayati.

Dalam menggapai haji yang Mabrur, Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa yang mengerjakan haji tanpa melakukan perkara yang mungkar dan tidak melakukan maksiat, maka dia akan kembali (ke rumahnya) sebagaimana pada hari ibunya melahirkannya." (HR. Al-Bukhari dan Muslim). Justeru, ibadah haji adalah peluang untuk memulakan lembaran baharu dalam kehidupan rohani seseorang.

Namun, pada masa kini terdapat segelintir individu yang menjalani ibadah haji dengan mempunyai niat yang lain di samping niat yang utama. Antaranya ialah menunaikan haji dengan niat mencari jodoh, membuat content untuk dimuat naik dalam media sosial, membeli barang jualan dan lain-lain.

Tidak ketinggalan, mencari jodoh atau matlamat duniai yang lain turut menjadi pilihan. Paling malang lagi, masih terdapat niat kepercayaan karut marut, berselindung di sebalik kain ihram yang dipakai. Antara kepercayaan tahuyl segelintir jemaah adalah mesti mencari dan memeluk tiang jin dengan kepercayaan boleh memanjangkan umur. Ada juga yang memasang niat mendapatkan toyol dengan bersembahyang sunat sebanyak-banyaknya secara mengadap tiang tersebut untuk dibawa balik toyol tersebut sebagai khadam. Memungut anak-anak batu di Arafah untuk dibawa balik bagi pelbagai kepercayaan seperti jika dicampak di dalam perigi ikan, maka ikan akan menjadi banyak. Jika ditabur di kebun tanaman, maka buah-buahan akan menjadi. Jika diletak di dalam kedai, maka akan laris kedai tersebut.

Selain itu, kewujudan media sosial seperti Tik Tok, Instagram, Facebook dan lain-lain mampu menghilangkan fokus dan khusuk dalam melakukan ibadah. Penggunaan media sosial yang berlebihan seperti membuat *content* dan *live* mampu mengalihkan perhatian niat asal ibadah yang sepatutnya menjadi fokus utama. Walaupun hukum asalnya adalah harus, namun dengan content ini dikhawatir boleh menimbulkan sifat *riya'* dalam beribadah. Kita akui bahawa kandungan media sosial juga boleh digunakan sebagai medium untuk berdakwah dan memberi pendidikan tentang pengertian dan kepentingan haji. Namun, penggunaan media sosial ini hendaklah mempunyai limitasi supaya tidak mengganggu niat utama dalam melakukan amal ibadah.

Tambahan pula, menunaikan ibadah Haji dengan pelbagai niat boleh mendatangkan impak negatif, baik kepada diri sendiri maupun agama Islam keseluruhannya. Mempunyai pelbagai niat yang tidak selari dengan tujuan asal boleh mengakibatkan kurang fokus dalam ibadah.

Bersama kita doakan semoga Jemaah haji Malaysia diper mudahkan segala urusan mereka seterusnya mendapat haji yang mabrur. Rasulullah SAW bersabda yang mafhumnya: "Haji mabrur tidak ada ganjaran baginya melainkan syurga." (Hadis Riwayat Ahmad). **Edisi**



MIQAT



Oleh: Ustaz Hj Mohammad Salleh bin Hj Abdul Saha (salleh@mais.gov.my)
Ketua Bahagian Dakwah & Pemasaran, Sektor Baitulmal, MAIS

Miqat menurut bahasa bermaksud batas manakala menurut istilah syarak bermaksud masa dan tempat beribadah. Terdapat 2 jenis miqat iaitu:

1. **Miqat Zamani**, merujuk tempoh masa yang sah untuk berniat ihram umrah (atau haji).
2. **Miqat Makani**, merujuk kepada tempat yang sah untuk berniat ihram umrah (atau haji).

Apakah persediaan kita sebelum bermiqat?

1

Mencari ilmu sebelum menunaikan haji dan umrah;

Perbetulkan niat;

2

3

Persediaan dari segi rohani dengan mendekatkan diri kepada Allah;

5

Bermuhasabah diri dengan menyemak kembali harta yang dimiliki.

4

Memastikan tubuh badan dalam keadaan sihat;

Syeikh Prof. Dr. Wahbah al-Zuhaili berkata maksud memakan harta dengan cara batil adalah dengan pelbagai cara perolehan yang tidak mengikut syarak seperti mengambil riba, bermain judi, merampas harta, dan menipu dalam timbangan jual beli (dan pelbagai lagi).

Perbuatan ini juga termasuk dalam salah satu perbuatan menipu dan sememangnya perbuatan tersebut amat dilarang dalam Islam. Sabda Nabi SAW:

Maksudnya: "Barangsiapa yang menipu maka dia bukanlah daripada kalangan kami."

~Riwayat Muslim (101)

Bagaiman pula jika harta atau kewangan yang dimiliki berpunca dari sumber yang haram? Jika timbul persoalan sekiranya wang yang halal dan wang yang haram bercampur aduk dan tidak dapat dibezakan, contohnya wang simpanan yang halal di dalam bank bercampur dengan wang faedah yang haram dalam akaun yang sama, bagaimanakah ianya dapat dijernihkan?

Dalam kaedah fiqh, terdapat satu kaedah yang berkaitan iaitu: "apabila berkumpul perkara yang halal dengan perkara yang haram, maka dimenangkan (dikira) yang haram." Menurut kaedah di atas, apabila perkara yang halal dan yang haram bercampur aduk dalam sesuatu perkara itu, maka ia dianggap sebagai haram.

Dalam konteks ini, apa yang jelas adalah sesuatu yang halal tersebut (wang pokok) boleh digunakan manakala yang haram itu (faedah) hendaklah dilupuskan dengan menyerahkannya kepada pihak Baitulmal bagi tujuan maslahah umum.

Namun sekiranya nilai yang halal dan haram itu tidak dapat dipastikan, maka kaedah berijtihad nilai (*al-ihtiyath*) boleh digunakan bagi menentukan pembahagian yang betul antara kedua-duanya. Dengan cara ini, perkara yang halal dapat diasingkan daripada perkara yang haram dan masih dapat dimanfaatkan walaupun telah berlaku campur aduk antara kedua-duanya.

Kesimpulannya, pastikan sumber harta yang kita miliki ini adalah halal sebelum kita bermiqat dalam menjalani ibadah haji dan umrah. Segala permasalahan berkaitan harta pusaka atau pelupusan harta dan wang tidak patuh syariah boleh disalurkan ke Baitulmal, Majlis Agama Islam Selangor. **Edisi**

Sebelum bermiqat iaitu persiapan menunaikan haji atau umrah, perlulah di semak pemilikan harta yang diperoleh. Apabila menunaikan haji atau umrah sudah pasti banyak perbelanjaan yang kita belanjakan. Persoalannya bagaimana harta diperoleh? Adakah harta yang diwarisi dengan menafikan hak waris? Atau harta pusaka di agih mengikut selera nafsu?

Firman Allah SWT:

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya)."

~Al-Nisa' 4: 29



PENYAKIT KRONIK TIDAK WAJIB MENUNAIKAN HAJI



Oleh: Encik Muhammad Hafiz bin Bahari (hafizbahari@wakafselangor.gov.my)

Pengurus Bahagian Korporat, PWS

Haji ialah mengunjungi Baitullah al-Haram di Mekah pada bulan-bulan haji untuk mengerjakan ibadah-ibadah tertentu menurut syarat-syaratnya. Hukum menunaikan ibadah haji adalah wajib sekali seumur hidup bagi yang berkemampuan.

Mengerjakan haji merupakan rukun Islam ke lima bagi umat Islam. Justeru itu adalah sangat penting bagi semua bakal jemaah haji untuk membuat persiapan diri dari semua aspek termasuk penjagaan kesihatan.

Semua jemaah haji termasuk kanak-kanak yang dibawa untuk mengerjakan haji diwajibkan menjalani pemeriksaan kesihatan dan mempunyai surat akuan doktor bagi memperolehi visa haji. Ini merupakan syarat/peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi bagi semua jemaah yang ingin menunaikan fardu haji.

Oleh yang demikian, menurut Garis Panduan Pemeriksaan Bakal Haji Edisi Ke-9 telah menggariskan keperluan untuk semua bakal-bakal haji menjalani saringan kesihatan di fasiliti kesihatan yang ditetapkan.

Bagi bakal haji yang sedang menjalani rawatan dialisis dan setelah pemeriksaan dijalankan, maka kriteria yang tidak boleh diluluskan untuk menunaikan ibadat haji tahun semasa.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-84 yang bersidang pada 15 Disember 2008 telah membincangkan Hukum Menunaikan Haji Bagi Pesakit Yang Menjalani Rawatan Hemodialisis. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Pesakit yang menghidap penyakit kronik yang tidak ada harapan sembuh seperti pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan hemodialisis dan seumpamanya tidak wajib menunaikan ibadah haji;

2. Pesakit kronik adalah wajib melaksanakan badal haji (upah haji) sekiranya berkemampuan daripada sudut kewangan; dan

3. Sekiranya telah sembuh daripada sakit kronik, individu tersebut wajib menunaikan ibadah haji jika berkemampuan.

Islam secara prinsipnya tidak memberatkan umatnya terhadap sesuatu perkara melainkan sekadar yang termampu. Demikian juga, kewajipan menunaikan haji yang terikat dengan syarat-syarat yang khusus, salah satu daripadanya ialah berkemampuan untuk menunaikannya.

Allah SWT telah meletakkan kemampuan sebagai syarat untuk diwajibkan haji antaranya ialah mempunyai tubuh badan yang sihat dan terhindar daripada segala kesakitan yang boleh menghalang daripada melakukan perkara yang perlu dalam masa merantau untuk mengerjakan haji.

Kebanyakan ulama' berpandangan bahawa mereka yang menghadapi penyakit kronik dan terikat kepada rawatan tidak wajib menunaikan haji kerana situasi mereka dianggap sebagai darurat.

PENYAKIT BUAH PINGGANG

Penyakit Buah Pinggang ialah suatu penyakit yang tidak berjangkit. Pada lazimnya, penyakit buah pinggang dianggap sebagai 'penyakit senyap', yang selalunya tidak menunjukkan gejala awal dan jelas. Majoriti pesakit buah pinggang tidak menyedari sehingga ianya sudah terlambat iaitu, apabila fungsi buah pinggang sudah di tahap yang teruk dan terjejas.

End Stage Renal Failure (ESRF) merupakan kegagalan buah pinggang tahap akhir yang juga dikenali sebagai penyakit kerosakan buah pinggang yang kekal.

Penghidap penyakit buah pinggang kronik (CKD) direkodkan semakin meningkat dengan hampir 9,500 pesakit baharu didaftarkan memerlukan rawatan dialisis setiap tahun.

KHIDMAT RAWATAN PENYAKIT BUAH PINGGANG

Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) adalah anak syarikat Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang menguruskan dan mengawal selia serta klinikal semua Pusat Dialisis MAIS.

Sehingga kini terdapat Enam (6) buah cawangan Pusat Dialisis MAIS (PDM) di Shah Alam, Kapar, Kuala Selangor, Sungai Besar, Taman Melawati (Gombak) dan Bukit Jelutong (Shah Alam).

Bagi pesakit yang mengalami kegagalan buah pinggang, boleh mendapatkan rawatan atau khidmat nasihat di salah satu cawangan Pusat Dialisis MAIS dengan menghubungi Ibu Pejabat YIDE di talian 03-3345 9900. [Edisi](#)

1. https://myjurnal.mohe.gov.my/filebank/published_article/34079/Article_3.PDF

2. <https://www.sinarharian.com.my/article/653574/berita/nasional/hampir-9500-pesakit-baharu-buah-pinggang-kronik-perlu-dialisis-setiap-tahun>



HAKAM PERCERAIAN



Oleh: **Ustazah Maryam binti Md Zin** (maryam@jais.gov.my)
Penolong Pengarah Penyelidikan, JAIS

Allah berfirman di dalam Surah An-Nisa', ayat 35 yang bermaksud; "Dan jika kamu bimbangkan perpecahan di antara mereka berdua (suami isteri) maka lantiklah "orang tengah" (untuk mendamaikan mereka, iaitu), seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan. Jika kedua-dua "orang tengah" itu (dengan ikhlas) bertujuan hendak mendamaikan, nescaya Allah akan menjadikan kedua (suami isteri itu) berpakaib baik. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui, lagi amat mendalam pengetahuanNya."

Berdasarkan ayat ini, Hakam berfungsi untuk mendamaikan perpecahan antara suami isteri. Dalam konteks hari ini, apabila berlaku perpecahan, suami atau isteri akan memohon perceraian di Mahkamah Syariah. Hakim akan mengeluarkan perintah kepada pasangan setelah membuat keputusan mengenai permohonan perceraian tersebut.

Hakim:

Seseorang yang dilantik oleh kerajaan dan memegang jawatan rasmi dalam bidang kehakiman sebagai pengadil atau hakim dalam Mahkamah.

Hakam:

Seseorang penimbang tara yang diberi kuasa oleh pihak-pihak atau oleh Mahkamah untuk menyelesaikan perkelahian (shiqaq) antara suami dan isteri.

Majlis Tahkim:

Sesi timbang tara yang melibatkan pertemuan suami dan isteri bersama dengan Hakam untuk tujuan perdamaian atau perceraian dengan lafadz talaq atau khul' (tebus talak).

Proses Hakam:

Ia bermula apabila suatu permohonan di bawah Seksyen 47 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 difailkan oleh isteri dan suami enggan menceraikan isteri.

Hakim akan mengarahkan pasangan untuk hadir ke sesi Jawatankuasa Pendamai (JKP). Sekiranya proses Jawatankuasa Pendamai (JKP) gagal dan mahkamah mensabitkan shiqaq (perkelahian antara suami dan isteri yang berlarutan sehingga menjelaskan kerukunan rumah tangga) maka Hakim akan membuat keputusan sama ada Majlis Tahkim diperlukan atau pun tidak.

Hakim akan menggunakan Seksyen 48 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 sekiranya berpuas hati bahawa perkelahian (shiqaq) sentiasa berlaku antara pihak-pihak kepada suatu perkahwinan. Mahkamah boleh melantik, mengikut Hukum Syarak, dua orang penimbang tara atau Hakam untuk bertindak bagi pihak suami dan isteri yang berkenaan itu masing-masing.

Pelaksanaan Majlis Tahkim bermula selepas pelantikan Hakam dibuat. Terdapat dua peringkat Majlis Tahkim iaitu:

1. Peringkat Hakam Kerabat (Keluarga) - Hakam suami melafazkan talaq setelah mendapat keizinan daripada suami.
2. Peringkat Hakam Mahkamah - Hakam suami melafazkan talaq setelah mendapat kebenaran Mahkamah.

Hukum talaq peringkat Hakam Kerabat adalah Raji' manakala peringkat Hakam Panel Mahkamah dengan kuasa penuh adalah Bain Sugho dan bekas suami tidak boleh merujuk bekas isterinya semula melainkan dengan akad nikah yang baru.

Penyelesaian kes melalui Hakam dapat diselesaikan dengan segera lazimnya dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh pelantikan Hakam berbanding ta'lîq dan fasakh.

Kadar 'iwadh (tebus talak dengan pampasan sama ada wang atau harta) bagi perceraian secara khul' melalui Hakam diputuskan oleh kedua-dua hakam suami dan isteri.

Oleh itu, Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) telah menyediakan Kaedah Hakam yang berstruktur bagi menyelesaikan kes-kes perceraian dengan tempoh yang minimum kerana prosiding telah dipercepatkan dengan adanya Hakam yang diberi kuasa penuh oleh Hakim. **Edisi**



ELAK PENYALAHGUNAAN DANA NGO



Oleh: En. Mohd Hafiz bin Abdul Salam (hafizsalam@mais.gov.my)
Ketua Pusat Penyelidikan, MAIS

Islam sangat menggalakkan umatnya bersedekah. Bagi seorang Islam, sumbangan sering kali dilakukan atas nama sedekah. Jika dilihat maksud sedekah dari segi syarak iaitu "pemberian sesuatu kepada yang memerlukan dengan tujuan mahu mendekatkan diri kepada Allah S.W.T". Sedekah boleh diberikan kepada golongan fakir miskin, keluarga, jihad fi sabillah, badan kebajikan dan sebagainya. Masyarakat Islam umumnya sering memberi sumbangan kepada persatuan atau pertubuhan yang berdaftar di mana setiap pertubuhan yang ditubuhkan mempunyai peranan dan fungsinya yang tersendiri.

Sejak dua dekad lalu, ramai aktivis dan kumpulan mendaftarkan diri sebagai badan bukan kerajaan (NGO) yang rata-ratanya menunjukkan minat kepada tujuan kebajikan dan membantu rakyat yang memerlukan selain berkempen mengenai isu-isu tertentu, malah terdapat juga usaha sama antara NGO dan kerajaan dijalankan sejak sekian lama dalam membantu kerajaan membuat dan memantau dasar dan polisi yang dibentuk. Berdasarkan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan terdapat sejumlah 82,721 pertubuhan aktif yang berdaftar. Daripada jumlah ini, 35.3% NGO ditubuhkan di bawah kategori kebajikan. Kemungkinan kategori ini merupakan pilihan NGO yang ingin memohon sumbangan daripada orang ramai atas dasar kebajikan.

Pengurusan Kewangan NGO

Kebimbangan umum tentang ketidakpatuhan sesetengah badan amal dalam pengurusan kewangan yang tidak telus dalam menggunakan dana awam bagi tujuan kebajikan. Satu kajian kualitatif telah dijalankan oleh penyelidik di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ke atas enam NGO di Malaysia. Kajian mendapati daripada keenam-enam persatuan tersebut, hanya satu NGO yang tidak mengambil sebarang komisen daripada sumbangan awam. Lima NGO lain mengambil kadar komisen menurut gaji amil, keputusan pihak atasan, panduan daripada mufti, institusi zakat dan NGO lain, serta berdasarkan kos projek dan pengurusan.

Tiada undang-undang yang melarang NGO untuk mengambil sebahagian daripada jumlah sumbangan awam. Berdasarkan carian juga tidak menemui sebarang undang-undang yang melarang persatuan untuk mengambil sebahagian daripada jumlah sumbangan yang diterima daripada orang ramai. Berdasarkan Kod Tadbir Urus Baik Pertubuhan (COGG), NGO tidak seharusnya mempunyai perbelanjaan pentadbiran melebihi 30% daripada belanjawan tahunan. Namun perkara ini bukanlah undang-undang, sebaliknya hanya kod tadbir urus baik.

Dalam mengelakkan penyelewengan, satu kajian khusus perlu dilaksanakan berkaitan kerangka perundungan bagi menyeragamkan laporan kewangan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang menguruskan dana awam di negara ini. Namun begitu, turut diingatkan juga supaya orang ramai menyelidik terlebih dahulu tentang ketelusan sesebuah NGO dalam memastikan sumbangan yang diberikan dapat diterima golongan sasaran. Jika diketahui bahawa sumbangan digunakan untuk tujuan yang salah, derma tidak seharusnya diberikan kepada NGO berkenaan.

Pengurusan Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (PIBK)

Di Selangor melalui Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), sentiasa menyantuni secara positif di mana NGO yang memfokuskan perkhidmatannya untuk Islam atau boleh juga dipanggil Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (PIBK). PIBK ini adalah dianggap sebagai suatu badan dakwah Islam yang dapat membantu MAIS dalam melaksanakan tanggungjawabnya dalam mengatur aktiviti dan program secara berkala bagi menjadikan masyarakat lebih memahami dan menghayati ajaran Islam yang sebenar. Namun, mereka yang menggerakkan PIBK ini terpaksa berjuang dan berusaha dengan sumber yang terhad memandangkan ramai yang melakukan kerja ini secara sukarela tanpa sebarang imbuhan. Justeru, sejak tahun 2006 MAIS telah mengambil inisiatif untuk membuka penyertaan kepada PIBK untuk bersama MAIS dalam membantu meningkatkan ekonomi dan kesejahteraan sosial umat Islam. PIBK yang Bersama-sama MAIS ini akan menerima ganjaran dalam bentuk kewangan secara tahunan. Sehingga tahun terakhir 2023, sebanyak 115 PIBK telah menyertai MAIS dengan pecahan kategori seperti berikut:

BIL	KATEGORI	JUMLAH PIBK
1.	Pertubuhan / Persatuan / Kelab	77
2.	PIBK Rumah Perlindungan Muallaf	1
3.	PIBK Pusat Pemulihan	26
4.	PIBK Pusat Jagaan Warga Emas	4
5.	PIBK Rumah Kebajikan Anak Yatim	6
6.	PIBK Pusat Pendidikan	1

Secara kesimpulannya, peranan NGO dan PIBK ini dilihat dapat membantu pihak MAIS dan kerajaan untuk mengislahkan masyarakat ke arah membina kehidupan yang lebih baik berteraskan ajaran Islam yang suci adalah sangat diharapkan. NGO dan PIBK yang mempunyai sumber kewangan yang kukuh dan pengurusan kewangan yang baik dapat menghindarkan masalah penyalahgunaan dana awam yang sering berlaku akhir ini. Kerjasama yang baik antara pihak berkuasa dan NGO dapat memberikan keuntungan kepada kedua-dua pihak dalam memastikan tanggungjawab untuk menjaga, mempertahankan dan memartabatkan kesucian agama Islam secara bersepudu dapat dilaksanakan. Walluhua'lam. **Edisi**



Sumber : Majlis Agama Islam Selangor



Iftar Perdana dan Majlis Meraikan Muallaf Cemerlang

APRIL 2024 – Iftar perdana dan penghargaan pencapaian penilaian Had Ta'lif muallaf 2024 telah diadakan pada 6 April 2024 bertempat di Baitul Hikmah, Ulu Yam. Seramai 135 muallaf cemerlang yang berdaftar di LZS telah hadir bagi meraikan program ini. [Edisi](#)



Kaunter Baitulmal MAIS Sempena Kursus Perdana Haji

APRIL 2024 – Bersempena dengan Kursus Perdana Haji Negeri Selangor 1445H/ 2024M, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Sektor Baitulmal telah membuka kaunter baitulmal pada 27-28 April bagi berkongsi maklumat berkaitan hibah, wasiat, faraid & lain-lain perkhidmatan MAIS. [Edisi](#)



MAIS Sumbang RM200 Ribu Kepada Rakyat Gaza

MAC 2024 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) bekerjasama dengan 298 Rakan Strategik Agihan Fidyah MAIS (RSAFM) bagi membantu menyampaikan sumbangan fidyah MAIS terus kepada mereka yang memerlukan dengan menggunakan peruntukan fidyah secara efisien, menyeluruh dan menepati golongan penerima. [Edisi](#)



MAIS Sumbang RM10.9 Juta Bantu Operasi Rumah Pemulihan Riqab (RPR)

MAC 2024 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menyerahkan sumbangan RM10.9 juta kepada 27 buah Rumah Pemulihan Riqab (RPR) menerusi Geran Bantuan Pemulihan Riqab bagi membantu kebajikan asnaf riqab khususnya di Negeri Selangor. [Edisi](#)

Program Perkaderan Asnaf Riqab 2024 Anjuran Bahagian Pemulihan Al Riqab Majlis Agama Islam Selangor

MEI 2024 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Bahagian Pemulihan Al Riqab menganjurkan Program Perkaderan Asnaf Riqab Tahun 2024 pada 10-12 Mei 2024 yang lalu bertempat di Hotel Crystal Crown Harbour View Pelabuhan Klang. [Edisi](#)



Pengerusi MAIS Hadir Lawatan Pemantauan Institusi Pendidikan Islam

MEI 2024 – Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof menghadiri program lawatan dan pemantauan kepada Institusi Pendidikan Islam. [Edisi](#)



Sumber : Jabatan Mufti Selangor



Sumber : Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor



Sumber : Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor



S.S. Mufti Selangor Terima Kunjungan Hormat Syeikh Dr. Said Foudah

MEI 2024 - Y.A.D Dato' Setia Prof. Madya Dr. Haji Anhar bin Haji Opir, S.S Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor telah menerima kunjungan Syeikh Dr. Said Foudah dalam rangka lawatannya ke Malaysia. [Edisi](#)



Program Mesra Ummah Bersama Jabatan Mufti

MEI 2024 - Jabatan Mufti Negeri Selangor (JMNS) dengan kerjasama Masjid al-Islah, Kg Sawah, Banting telah mengadakan program Mesra Ummah Bersama Jabatan Mufti (MUBIM) dan merupakan masjid ke 5 pada tahun 2024 ini. Klang. [Edisi](#)



JAKESS Turut Serta Program World Quran Hour 2024

APRIL 2024 - Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) telah menyertai program Program World Quran Hour 2024 yang dijalankan secara serentak di seluruh Negara dengan konsep membaca Al-Quran, mendalami maksud, bertadabbur dan mengamalkannya. [Edisi](#)



JAKESS Anjur Kursus Pemerkasaan Kompetensi Pegawai Mahkamah Syariah Selangor (Modul Psikologi)

MAC 2024 - JAKESS telah mengundang YBhg. Assoc. Prof. Dr. Geshina Ayu Mat Saat, Pakar Kriminologi sebagai penceramah dalam Kursus Pemerkasaan Kompetensi Pegawai Mahkamah Syariah Selangor (Modul Psikologi) yang telah diadakan pada 4hb. hingga 6hb. Mac, 2024. [Edisi](#)

JPSS Terima Kunjungan Hormat Daripada Deligasi Law Islamic Student Association (LISA)

APRIL 2024 – Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor (JPSS) telah menerima kunjungan hormat daripada *Law Islamic Student Association* (LISA), Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya (UM). Delegasi seramai 23 orang tersebut diketuai oleh Dr. Pengiran Ismail, Pensyarah Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya bersama 22 pelajar yang lain. [Edisi](#)



Mesyuarat Ketua Pendakwa Syarie Seluruh Malaysia dan Bengkel Penyelarasian Borang dan Fi (Tatacara Jenayah Syariah) Siri 2

MAC 2024 - Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor (JPSS) telah mengadakan Bengkel Penyelarasian Borang dan Fi (Tatacara Jenayah Syariah) Siri 2 dan menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Ketua Pendakwa Syarie Seluruh Malaysia pada 13 hingga 15 Mei 2024 bertempat di Hotel Concorde, Shah Alam. [Edisi](#)



Sumber : Jabatan Agama Islam Selangor



Sumber : Perbadanan Wakaf Selangor



Sumber : Lembaga Zakat Selangor



Sultan Selangor Titah Sumbangan Palestin Diselaraskan, Kerajaan Negeri Selangor Bangunkan Projek Gaza

MAC 2024 – Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) menzahirkan solidariti dan ihsan kepada rakyat Palestin terutamanya di Gaza dengan pelancaran Tabung Pembangunan Ihsan Selangor - Gaza yang dirasmikan oleh DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj. [Edisi](#)



Townhall Ke Arah Pensijilan Halal Malaysia Bersama Usahawan Perusahaan Mikro, Kecil & Sederhana Daerah Gombak

MEI 2024 - Bahagian Pengurusan Halal, JAIS dengan kerjasama Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) Gombak dan HIS Toyyyiba Sdn. Bhd. telah melaksanakan Program Townhall bersama usahawan Perusahaan Mikro, Kecil & Sederhana (PMKS) bertempat di AC Hotel by Marriott, Kuala Lumpur. [Edisi](#)



PWS Serah Sumbangan Wakaf Fisabilillah RM 45,000 Kepada Kafa Integrasi Al Hikmah

APRIL 2024 – Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) menyerahkan sumbangan Wakaf bernilai RM 45 ribu kepada Kafa Integrasi Al Hikmah, Subang Bestari sempena majlis sambutan Aidilfitri anjuran Kafa Integrasi Al Hikmah. [Edisi](#)



Majlis Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ke Saudagar Nanas Agrofarm

MEI 2024 - Merafak sembah ke bawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ke Saudagar Nanas Agrofarm, Kampung Sungai Merab Sempena Program Gagasan Rumpun Selangor Daerah Sepang. [Edisi](#)



Ujian Di Bulan Yang Penuh Barakah

APRIL 2024 - Sayu hati melihat nasib yang dialami oleh keluarga mangsa ribut di sekitar Puchong. Sebanyak 24 buah rumah telah terlibat dalam bencana ribut baru-baru ini. Pasukan Operasi Agihan Daerah Petaling telah turun menyantuni dan membantu keluarga terlibat. [Edisi](#)



Bersama LZS Membasmi Miskin Bandar

MEI 2024 - LZS dengan kerjasama Unku Aziz Centre for Development Studies, Universiti Malaya (UAC) telah melaksanakan sesi Meja Bulat Aspirasi Membasmi Miskin Bandar dengan tema "Meminimakan Impak, Memecahkan Kitaran". [Edisi](#)



Sumber : Universiti Islam Selangor



UIS Terima Kunjungan Lawatan Penanda Arasan Institusi Swasta Bagi Amalan Kepimpinan Terbaik

APRIL 2024 - UIS telah menerima kunjungan dan lawatan penanda aras amalan kepimpinan terbaik yang merupakan salah satu pengisian program Latihan Program kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL) 2.0. [Edisi](#)



INHAD UIS - Akademi Jawi Malaysia Perkuuh Kerjasama Menerusi MoU

MEI 2024 - Universiti Islam Selangor (UIS) melalui Institut Kajian Hadis dan Akidah (INHAD) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Akademi JAWI Malaysia. [Edisi](#)



Majlis Sumbangan Hari Raya Kepada Anak-Anak Yatim Bersama D.Y.T.M. Raja Muda Selangor

MAC 2024 - Majlis yang berlangsung di Masjid Asy-Syakirin ini telah menyaksikan penyerahan sumbangan tunai Hari Raya sebanyak RM 96,300 kepada 624 anak-anak yatim di daerah Gombak yang disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor. [Edisi](#)



Sumber : Yayasan Islam Darul Ehsan



Sumber : Teraju Ekonomi Asnaf SB



YIDE Ziarah Dan Hulurkan Sumbangan Kepada Mangsa Nahas Tragedi Pokok Tumbang

MEI 2024 - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) segera turun menziarahi dan menghulurkan sumbangan kepada waris mangsa tragedi nahas pokok tumbang di Shah Alam. [Edisi](#)



Lawatan Kilang Minyak Elham-Q Edible Oil Sdn Bhd

MEI 2024 - 3Teraju Ekonomi Asnaf Sdn Bhd (TERAS) telah mengadakan lawatan kerja ke Kilang Minyak Elham-Q Edible Oil Sdn Bhd bagi melihat pemprosesan minyak masak di Kulai, Johor. [Edisi](#)



Lawatan Kerja Ke Syarikat Faiza Sdn Bhd

MEI 2024 - Teraju Ekonomi Asnaf Sdn Bhd (TERAS) telah membuat lawatan kerja ke Syarikat Faiza Sdn Bhd di Batu Pahat, Johor bagi mengadakan sesi semakan pembekalan bersama syarikat tersebut. [Edisi](#)



JOM BERBAHASA ARAB MUDAH!

(Siri 2/2024)



Oleh: Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid
 (hamizul@zakatselangor.com.my)
 Ketua Jabatan Dakwah dan Perundingan,
 Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

Assalamu'laikum wrt. Apa khabar semua? Kaifahalukum Jamian? Pada sesi Bahasa Arab Mudah Siri 2 / 2024 kali ini, kita akan sama-sama mempelajari beberapa kalimah hikmah dalam Bahasa Arab. Ia boleh kita gunakan sehari-hari sebagai basahan dengan di selang-selikan bersama-sama Bahasa Melayu.

Misalnya, apabila kita memberikan nasihat kepada anak-anak, teman-teman, murid-murid mahu pun sesiapa sahaja, maka kita boleh menyelitkan kata-kata hikmah yang amat bermakna ini. Jom, sama-sama kita gunakan ya!

Kata hikmah pertama:

العقل السليم في الجسم السليم

Transliterasi Melayu: al-aqlu as-salim fi al-jismi as-salim

Ertinya: "Akal yang sihat itu terletak pada badan yang sihat."

Contoh situasi: "Wahai anakku, ayah tahu kamu suka membaca, bagus sangat. Namun, pergilah bersenam kerana ia juga bagus untuk badan. Ingat pepatah Arab, 'al-aqlu as-salim fi al-jismi as-salim' yang ertiannya, 'akal yang sihat itu terletak pada badan yang sihat.'"

Kata hikmah kedua:

من يزرع يحصد

Transliterasi Melayu: Man yaz ra'u yah sud

Ertinya: "Sesiapa yang menanam, dialah yang memetiknya."

Contoh situasi: "Untuk menjadi seorang yang berjaya tidak akan berhasil jika bermalas-malasan sahaja. Harus ada kerajinan dan ketekunan. Rajin membaca, mengulangkaji dan bertanya. Ia samalah petani yang rajin membawa, menyiram air dan menjaga tanamannya. Kata pepatah Arab, 'Man yaz ra'u yah sud, yang bermakna, 'sesiapa yang menanam maka dialah yang memetik hasilnya.'"

Kata hikmah ketiga:

خير جليس في الزمان كتاب

Transliterasi Melayu: Khair jalis fi al-zaman kitab

Ertinya: "Sebaik-baik teman duduk pada setiap waktunya adalah buku."

Contoh situasi: "Membaca itu jambatan ilmu dan tidak rugi orang-orang yang bersahabat dengan buku. Ini kerana, buku itu adalah teman sejati yang tidak meninggalkan kita. Malah buku memberikan ilmu dan pengalaman berguna kepada kita. Bak kata pepatah Arab, 'khair jalis fi al-zaman kitab', yang bermakna 'sebaik-baik teman duduk pada setiap waktunya adalah buku'."

Baiklah, semoga apa yang kita pelajari ini dapat memberikan kebaikan kepada kita, amin. **Edisi**

SIRI BELAJAR JAWI

(SIRI EMPAT PULUH)

أوليه : نورانينا بنت عبد الرحمن
 منشي ديوان (جاوي)

"كات مجموع"

قد ميغكتو اين كيت ممبيچاراكن تاجوف بهارو ياءيت
 كات مجموع. كات مجموع اداله ايستيله ليغكتوءيسنيك يش
 مرجوع كقد كابوغن دوا اتاو لبيه كات داسر او توق ممبنتوق
 معنا لاءين يش لبيه خصوص. ترادافت دوا جنيس او تام كات
 مجموع, ياءيت كات مجموع يش دتوليس سرغكاي دان كات
 مجموع يش دتوليس ترقيسه. چارا ڤنوليسن دالم تو ليسن جاوي
 سام اد سرغكاي اتاو ترقيسه معيكوت کاي ڤنوليسن بهاوس مليو.

- كات مجموع يش دتوليس سرغكاي. فركاتاءن يش تله منتف
 ڦغكتوناءن دالم بهاوس مليو دتوليس سرغكاي, چونتوهن:

كات مجموع سرغكاي : فركاتاءن يش تله منتف ڦغكتوناءن دالم
 بهاوس مليو

انتارابغسا	antarabangsa
جاوتنكواں	jawatankuasa
اولهراک	olahraga
سوکاریلا	sukarela
ٿگڪوڻجواب	tanggungjawab
بریتاهو	beritahu
ڪاڪیتاغن	kakitangan
ماتاھاري	matahari
سوروهنجای	suruhanjaya
ورڪانڪارا	warganegara
بوميقوترا	bumiputra
كرجاسام	kerjasama
ستياءوسها	setiausaha
تنداتاغن	tandatangan
سوروهنجای	pesuruhjaya

PELAJAR ASNAF YANG BERJAYA MENJADI MUTAWWIF



Oleh: **Ustaz Haji Muhamad Rafee bin Rahman** (rafee.rahman@zakatselangor.com.my)
Eksekutif Dakwah dan Perundingan, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

Bantuan Dermasiswa Pengajian Tinggi dan Bantuan Persediaan Masuk IPT memberikan manfaat kepada pelajar asnaf Lembaga Zakat Selangor (LZS) dalam mendapatkan pendidikan peringkat pengajian tinggi seterusnya mengeluarkan diri dan keluarga daripada belenggu kemiskinan melalui kecemerlangan pendidikan.

Mohamad Ariff bin Abdul Sarip merupakan salah seorang bekas pelajar tajaan penuh LZS. Berpendidikan Sarjana Muda di Jordan dalam bidang Fiqh Wa Usuluhu atas tajaan LZS dan sekarang telah mampu memiliki syarikat sendiri, Safar Buddies Travel & Services Sdn Bhd mengendalikan dan menguruskan ibadah Umrah dan Haji.

Baru-baru ini, penulis berkesempatan menemubual beliau tentang pengalaman dan perjalanan karier beliau sehingga berjaya ke tahap kini.

Edisi MAIS: Boleh kongsikan ringkasan tentang latar belakang kehidupan saudara?

Mohamad Ariff: Saya merupakan bekas pelajar tajaan penuh LZS ketika menuntut pengajian peringkat Sarjana Muda di Jordan dalam bidang Fiqh Wa Usuluhu. Setelah tamat pengajian di sana, saya pulang ke Malaysia untuk mencari pekerjaan yang bersetujuan dengan kebolehan dan pengetahuan serta latar belakang pendidikan saya.

Dalam waktu pencarian arah serta tujuan kerjaya yang saya inginkan, saya turut terlibat dalam sektor kewangan dan perbankan Islam. Kemudian saya beralih arah ke bahagian guaman Syariah bagi melebarkan lagi pengetahuan dan pengalaman kerjaya. Sehingga saya ditawarkan tajaan yuran pengajian untuk melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana (Master) di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai Johor.

1. Tetapi oleh kerana kekangan kewangan dan komitmen pada masa itu, saya tidak dapat untuk menyambung pengajian saya ke peringkat PhD dan meneruskan cita-cita sebagai pensyarah. Sejak itu, saya mula berusaha membina kerjaya dengan keterlibatan di dalam industri pengurusan dan pengendalian ibadah Umrah dan Haji.

2. Kini saya menerajui syarikat Safar Buddies Travel & Services Sdn Bhd sebagai Pengarah Syarikat.

Boleh kongsikan, bagaimakah saudara berminat mencebur ke dalam bidang mutawwif?

Saya ditawarkan untuk berkhidmat sebagai mutawwif disebabkan kebolehan saya bertutur dalam Bahasa Arab. Kerjaya sebagai mutawwif adalah bermula apabila saya berjinak-jinak menjadi mutawwif sambilan sewaktu masih menuntut di peringkat PhD.

Apakah pengalaman paling manis dilalui sepanjang menjadi mutawwif?

Pengalaman manis terlalu banyak untuk dikongsikan tetapi jika ditanya yang paling manis adalah ketika saya berjumpa dengan jemaah bimbingan yang benar-benar ikhlas ingin meluahkan rasa dan beban ujian dunia kepada Allah SWT.

Saudara pernah mendapat tajaan pelajaran dari Lembaga Zakat Selangor. Boleh kongsikan, apakah bentuk tajaan yang diterima?

Pada asalnya, saya ditawarkan tajaan untuk menyambung pengajian di Morocco. Oleh sebab saya berhadapan dengan isu permohonan visa waktu itu, maka saya dinasihatkan untuk menyambung pengajian di universiti tempatan sahaja. Namun saya tetap tidak berputus asa dan setelah memohon beberapa kali, akhirnya pihak LZS bersetuju untuk menaja pengajian saya di Jordan. Alhamdulillah, Allah Maha Kaya telah memperkenankan doa saya dan saya amat berterima kasih dengan tajaan dan bantuan dari LZS berupa tajaan yuran pengajian, sara hidup dan buku-buku pengajian.

Saya berharap LZS atau mana-mana pihak menawarkan tajaan untuk saya melanjutkan pengajian di peringkat PhD pula.

Apakah nasihat saudara, jika ada di kalangan anak-anak asnaf yang berminat menjadi mutawwif pada masa hadapan?

Pesanan saya, kuasailah, pelajari Bahasa Arab sebaiknya dan melatih diri dalam bidang pengurusan dan juga libatkan diri berkhidmat kepada masyarakat. Sentiasa merebut peluang dan mengisi masa dengan menuntut ilmu. Bukan sahaja yang di pelajari di universiti tapi juga ilmu yang boleh didapati melalui kursus-kursus ringkas terutama dalam bidang teknikal pelancongan. **Edisi**

► BIODATA:

Nama: **Haji Mohamad Ariff bin Abdul Sarip**

Umur: **36**

Asal: **Bangi, Selangor**

Status Perkahwinan: **Berkahwin. Mempunyai 2 orang anak.**

Latar Belakang Pendidikan: **Diploma di Universiti Islam**

Selangor, Degree di Universiti Mutah Jordan, Master di

Universiti Teknologi Malaysia

Jawatan terkini: **Pengarah, Safar Buddies Travel & Services Sdn Bhd**



MABRUR VS MARDUD



Oleh: **Hasal bin Senin** (hasal@mais.gov.my)
Pembantu Eksekutif, Unit Pembangunan Kompetensi, MAIS

Haji adalah salah satu daripada Rukun Islam yang lima. Haji ialah mengunjungi Baitullah al-Haram di Mekah pada bulan-bulan haji untuk mengerjakan ibadah-ibadah tertentu menurut syarat-syaratnya. Hukum menuaihan ibadah haji adalah wajib sekali seumur hidup bagi yang berkemampuan. Alhamdulillah, pada tahun ini iaitu pada 1445 hijrah bersamaan 2024 masih, acara manasik haji baru selesai. Sekarang sedang rancak jemaah haji pulang ke tanah watan masing-masing termasuk dari Malaysia. Semoga Allah mengurniakan kepada Jemaah haji semua dengan haji yang mabrus.

APA ITU HAJI MABRUR & MARDUD?

Dari segi bahasa kata mabrus diambil daripada kata Barra, yang mengandungi pelbagai makna seperti syurga, benar, diterima, pemberian, keluasan dalam kebajikan. Begitu juga antara maksud mabrus atau al-Bir ialah ihsan dengan makna lain jemaah haji yang memperoleh haji mabrus sudah pasti banyak melakukan ihsan dan sifat yang baik.

Haji mardud adalah haji yang ditolak karena banyak dicampuri dosa dan segala sesuatu yang diperolehi dengan cara yang haram, contohnya pergi haji dengan duit yang haram atau rasuah.

AMALAN SELEPAS MENUNAIKAN HAJI

Antara amalan yang perlu dilakukan dan diteruskan oleh para jemaah haji selepas pulang dari Tanah Suci ialah :

1. MEMPERBANYAKKAN ZIKRULLAH DAN MEMBACA AL-QURAN

Ini sangat bertepatan dengan firman Allah yang bermaksud;

"Kemudian apabila kamu telah selesai mengerjakan amalan ibadat Haji kamu, maka hendaklah kamu menyebut-nyebut

dan mengingati Allah (dengan membesarNya) sebagaimana kamu dahulu menyebut-nyebut (memuji-muji) datuk nenek kamu, bahkan dengan sebutan yang lebih lagi." (Al-Baqarah : 200)

2. MEMPERBANYAKKAN DOA

Ini amat sesuai dikekalkan kerana semasa menuaihan haji, para Jemaah haji sentiasa berdoa dari semasa ke semasa. Ini berdasarkan firman Allah yang bermaksud;

"Dan Tuhan kamu berfirman: "Berdoalah kamu kepadaKu nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sompong takbur daripada beribadat dan berdoa kepadaKu, akan masuk neraka Jahannam dalam keadaan hina." (Ghafir : 60)

3. SENTIASA KE MASJID DAN BERJAMAAH


Amalan ini telah dilakukan sebaik mungkin ketika berada di tanah suci melaksanakan ibadah haji. Maka bawalah semangat ini ketika pulang ke tanahair.

4. MENJADI AGEN PERUBAH

Sabtu tahun, seramai 4 hingga 6 juta jemaah haji datang ke Tanah Suci untuk menuaihan ibadah haji dan berazam untuk memperbaiki serta mengisih diri. Bayangkan jika mereka boleh menjadi agen perubah kepada masyarakat sekeliling.

Untuk akhirnya, jemaah haji yang betul-betul mengambil manfaat dan semangat rehlah haji, sudah pasti akan ada perubahan yang ketara pada keperibadian, ibadah dan akhlaknya, mencapai redha Allah serta mampu menjadi qudwah dan suri teladan yang baik kepada anak bangsanya. Perubahan yang mereka bawa moga-moga menjadi kesan kepada masyarakat seterusnya mampu menjadi pemangkin kemajuan dan kegemilangan umat Islam.

Moga bermanfaat dan asbab kebaikan. **Edisi**



HINDARI TREND IBADAH VIRAL



Oleh: Shahru Effendy bin Md Saat (fendy@mais.gov.my)
Eksekutif Perhubungan Awam & Khidmat Pelanggan, MAIS

Kisah viral berkaitan kepayaan asnaf fakir dan miskin tidak mendapat agihan zakat acap kali berulang. Suatu ketika dahulu pernah diviralkan kisah seorang asnaf yang ingin mendapatkan duit bantuan lalu memohon di gereja dengan menulis nama pada sekeping borang dan paderi tersebut memberi wang bantuan. Ibaratnya sangat mudah untuk mendapat bantuan kewangan berbanding permohonan di pusat zakat yang banyak karenah birokrasi. Hakikatnya apabila membuat siasatan dan semakan, berita tersebut hanya sekadar khabar angin sahaja seolah-olah ingin memburukkan imej institusi zakat.

Perkongsian tersebut akan mendapat perhatian warga media sosial yang lain serta mendapat tanda *like* sebelum ia ditularkan dengan perkongsian yang tinggi. Perkara ini secara langsung menaikkan populariti dan membuatkan mereka terkenal dan mendapat perhatian yang meluas, mendedahkan diri kepada unsur riak, sompong, ego, bangga diri dan takabur.

Keadaan ini menjadi semakin membimbangkan dari masa ke semasa apabila ia turut diikuti oleh para pempengaruh yang memiliki pengikut yang ramai serta para agamawan. Ibadah tersebut jika dikongsikan oleh pihak lain dan menjadi viral, ia boleh diterima, namun individu yang memuatnaik ibadat diri sendiri dengan niat viral adalah satu masalah. Ibadat khusus seperti solat, haji, zakat, umrah, membaca al-Quran, berzikir dan sebagainya sedaya upaya tidak perlu diviralkan kerana dibimbangi ibadah tersebut tidak diterima oleh Allah SWT.

Contoh ibadat viral yang terdapat dalam haji dan umrah seperti mencium hajarul aswad, live ketika tawaf dan saie, yang sepatutnya dilaksanakan secara khusuk dan memperbanyak mengingati Allah SWT sepanjang ibadat berlangsung. Namun, sebaliknya ramai yang cenderung menularkannya kepada umum, perkara ini mendapat perhatian daripada pihak berautoriti seperti respons dari Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2023), yang berpendapat melakukan aksi viral seperti di atas sebaiknya ditinggalkan.

Perkara tersebut dapat menjelaskan niat utama ibadah itu sendiri yang akhirnya merugikan pahala amalan serta memalingkan hati daripada Allah SWT, akhirnya membawa kepada kerugian dunia mahupun akhirat. Nabi SAW bersabda "Niat seorang

mukmin lebih baik daripada amalannya" (al-Thabarani, 5942) dan "Sesungguhnya setiap amalan itu bergantung pada niat" (al-Bukhari, 1).

Ibadah Berbalut Hiburan

Islam ialah agama yang sesuai dengan fitrah. Fitrah manusia perlukan hiburan dalam kehidupan. Hiburan ialah sesuatu yang boleh menggembirakan hati, merehatkan minda, menyenangkan jiwa dan menyedapkan pendengaran. Pendek kata, apa-apa perkara dan tindakan yang boleh menimbulkan perasaan suka gembira, seronok dan tenang ia merupakan suatu hiburan.

Islam tidak menyekat umatnya mencari hiburan selagi mana tidak keluar daripada batas syarak dan tidak lalai daripada melaksanakan perintah agama. Kesederhanaan sangat penting dalam usaha mencari hiburan.

Dr Yusuf al-Qaradawi dalam bukunya bertajuk 'al-Halal wa al-Haram fi al-Islam' dengan penterjemah Mohd Hafiz Daud menyatakan bahawa hiburan adalah diharuskan kerana boleh menggembirakan hati, merehatkan minda, menyenangkan jiwa dan menyedapkan pendengaran dengan syarat tidak dicampuri kata-kata kotor, keji atau yang boleh menimbulkan perbuatan dosa.

Sehubungan itu, keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Bil.2/2015 yang bersidang pada 7 April 2015 bersamaan 17 Jumadal Akhirah 1436H memutuskan bahawa;

"Memperakankan Garis Panduan Hiburan dalam Islam edisi kedua yang diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)" – Dikemaskini pada 26 September 2014.

Kesimpulannya umat Islam hendaklah sentiasa merujuk kepada pandangan dari Jabatan Mufti Negeri Selangor dan agensi agama yang terlibat di negeri-negeri terutama hiburan yang dibenarkan dalam Islam selagi mana ia tidak melanggar batas syarak. Selain itu bagi perbuatan mengambil gambar beribadah kemudian ditunjukkan di media sosial itu bertujuan mendapat pujian dan menunjuk-nunjuk maka perbuatannya itu adalah haram dan amalannya itu sia-sia tidak mendapat pahala kerana telah melakukan riak. **Edisi**

Sebarang pertanyaan sila hubungi **Jabatan Mufti Negeri Selangor** di talian **03-5514 3739** atau emel mail@muftiselangor.gov.my



TAWARAN SEWAAN



1 UNIT PEJABAT BANDAR BARU BANGI

JALAN MEDAN PB 1
SEKSYEN 9, BANDAR BARU BANGI
RM1,500.00 SEUNIT
KELUASAN : 1,741 KAKI PERSEGI
(TINGKAT 3)

2 UNIT PEJABAT KAJANG

JALAN RAJA HAROUN
KAJANG, SELANGOR DARUL EHSAN

RM3,500.00 SEUNIT

KELUASAN : 1,574 KAKI PERSEGI (TINGKAT 1)

RM1,500.00 SEUNIT

KELUASAN : 1,574 KAKI PERSEGI (TINGKAT 2)

Sekiranya berminat boleh menghubungi talian **019-2640631 / 019-2302040** atau **03-55143400 samb. 2187**

KAMI SEDIA MEMBANTU ANDA

MAIS menyediakan perkhidmatan
bagi menguruskan:

HARTA PUSAKA

HIBAH

WASIAT

PENGAMANAHAN

FIDYAH

KAFFARAH

WANG TIDAK
PATUH SYARIAH

HARTA LUQATAH

SEDEKAH

WANG ORANG
BERHUTANG

SEWAAN HARTANAH
/ PREMIS

PEMULIHAN RIQAB

PENDAFTARAN
MUALLAF

BANTUAN
GUAMAN SYARIE



Majlis Agama Islam Selangor



mais_officialhq



maisgovmy



EDISI بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ MAIS

www.mais.gov.my

VIRAL KINI:
HINDARI
TREND IBADAH
VIRAL

Ms 18

3X

HADIAH KEDUA
Tiket Pelancongan Muslim
Bernilai RM1,200



JOM AUTO ZAKAT BULANAN
“Mula & Tambah”
Skim Potongan Gaji & Direct Debit

HADIAH UTAMA
1X PAKEJ UMRAH

LEMBAGA ZAKAT SELANGOR
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

3X CABUTAN KHAS
6X Emas 0.5g
(3x SPG / 3x Direct Debit)
Untuk Mula & Tambah Caruman
Daripada 1 Jan - 30 Jun 2024

SAGUHATI
60X Touch'n Go
Bernilai RM100

Syarat-Syarat Penyertaan (Kategori SPG Individu)

- Penyertaan terbuka kepada semua individu yang **mula** atau **menambah** caruman **Skim Potongan Gaji (SPG)**.
- Penyertaan bermula 1 Januari 2024 dan berakhir 31 Disember 2024.
- Pemenang dipilih melalui e-cabutan yang dijangka akan dibuat pada bulan Ogos 2024 (untuk cabutan pertama) dan akhir Januari 2025 (untuk cabutan kedua).
- Pengajur (LZS) berhak melakukan sebarang pindaan terhadap hadiah dan syarat penyertaan.
- Keputusan pemilihan adalah **muktamad**.

TALIAN ZAKAT SELANGOR 1-300-88-4343

Syarat-Syarat Penyertaan (Kategori Direct Debit Individu & Perniagaan)

- Penyertaan terbuka kepada semua individu atau syarikat termasuk yang menunaikan zakat pendapatan atau perniagaan termasuk kakitangan LZS yang **mula mendaftar** dan **menambah** pembayaran zakat ke LZS melalui kaedah **Direct Debit** pada tempoh kempem dilaksanakan.
- Penyertaan bermula 1 Januari 2024 dan berakhir 31 Disember 2024.
- Pemenang dipilih melalui e-cabutan yang dijangka akan dibuat pada bulan Ogos 2024 (untuk cabutan pertama) dan akhir Januari 2025 (untuk cabutan kedua).
- Pengajur (LZS) berhak melakukan sebarang pindaan terhadap hadiah dan syarat penyertaan.
- Keputusan pemilihan adalah **muktamad**.

**BERWAKAF
SECARA BULANAN KINI
LEBIH MUDAH MELALUI
DIRECT DEBIT**



Mendaftar sekali sahaja melalui
<https://infaqpay.my/go/wakafselangor>

Pengguna akan menerima status **BERJAYA** melalui e-mel.

Potongan akan dibuat setiap 2-5hb
atau 22-26hb setiap bulan.

Pewakaf akan menerima notifikasi transaksi berjaya melalui e-mel.

NOTA:
Resit Rasmi Sumbangan Wakaf tahun semasa akan diproses pada sukuhan pertama tahun berikutnya. Pewakaf perlu mengemaskini alamat surat-menyerah terkini sebelum tahun berakhir bagi tujuan pengeposan resit rasmi tersebut.

